

TARIKH : 12 JULAI 2025
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA : 24
SURAT

OPR mungkin turun lagi jika ekonomi terkesan akibat tarif

Bisnes

Sabtu, 12 Julai 2025 BH

OPR mungkin turun lagi jika ekonomi terkesan akibat tarif

Mesyuarat
Jawatankuasa
Dasar Monetari
4 September kaji
lebih banyak data

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@bh.com.my

Penurunan Kadar Dasar Semalaman (OPR) oleh Bank Negara Malaysia (BNM) baru-baru ini mungkin bukan yang terakhir tahun ini dengan jangkaan satu lagi pemotongan bergantung kepada keadaan ekonomi negara.

Penganalisis TA Securities, Farid Burhanuddin, berkata pihaknya tidak menolak kemungkinan untuk berlaku lagi penurunan kadar pada penghujung tahun ini jika ekonomi negara terjejas teruk oleh tarif 25 peratus yang diumumkan Amerika Syarikat (AS).

Katanya, kemerosotan berterusan dan ketara dalam unjuran perdagangan Malaysia, khususnya jika prestasi eksport me-

rosot dengan mendadak, akan meningkatkan kemungkinan satu lagi pemotongan kadar dasar, berkemungkinan pada suku terakhir tahun ini.

"Langkah sedemikian adalah selaras dengan rangka kerja dasar BNM yang bergantung kepada data dan sensitiviti terhadap risiko, terutama jika cabaran luaran mula memberi kesan kepada penggunaan domestik yang lemah dan keyakinan perniagaan menurun.

"Mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) seterusnya dijadualkan pada 4 September. Pada ketika itu, lebih banyak data akan tersedia, termasuk angka Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) suku kedua, petunjuk utama bagi suku ketiga 2025 dan statistik perdagangan sehingga Julai.

"Jika data ini menunjukkan kelembapan lebih ketara daripada jangkaan, kami tidak menolak kemungkinan pemotongan kadar sebanyak 25 mata asas lagi pada suku keempat 2025," katanya dalam satu nota penyelidikan.

MPC membuat keputusan menurunkan OPR sebanyak 25 mata asas kepada 2.75 peratus, langkah yang kali pertama dilakukan se-

lepas mengekalkan kadar itu sebanyak 12 kali sejak Mei 2023.

Farid berkata, pihaknya mengekalkan unjuran KDNK untuk 2025 pada 4.4 peratus setakat ini.

"Namun, dengan pengesahan rasmi, walaupun belum disahkan sepenuhnya, tarif 25 peratus ke atas eksport Malaysia oleh AS, risiko penurunan terhadap pertumbuhan meningkat dengan ketara.

"Menurut analisis sensitiviti kami, pelaksanaan penuh tarif 25 peratus ke atas kategori eksport utama Malaysia boleh menurunkan pertumbuhan KDNK kepada julat antara 3.7 peratus hingga 4.2 peratus.

"Kami ingin menekankan bahawa unjuran ekonomi dan andaian dasar kami masih bersifat sementara, sementara menunggu kejelasan lanjut mengenai pelaksanaan akhir, skop dan tempoh langkah tarif yang dicadangkan AS.

"Walaupun tarif 25 peratus diumumkan, ia masih belum dikuatkuasakan dan rundingan yang sedang berlangsung mungkin membawa kepada pengecualian sebahagian, pelaksanaan secara berperingkat atau bahkan pembatalan sepenuhnya langkah terba-

bit," katanya.

Semak semula unjuran

Beliau menambah, sekiranya tarif 25 peratus dilaksanakan sepenuhnya tanpa sebarang kelonggaran, pihaknya akan menilai semula dan menyemak unjuran makroekonomi mereka, khususnya dari segi pertumbuhan KDNK sebenar dan prospek perdagangan.

"Pada peringkat domestik, penurunan OPR baru-baru ini juga membawa implikasi kepada peningkatan pendapatan boleh guna isi rumah, apabila kos pinjaman bagi kemudahan seperti sewa beli, gadai janji dan kemudahan kredit lain berkurangan.

"Berdasarkan data sejarah, pemotongan kadar sebanyak 25 mata asas pada Julai 2016 dikaitkan dengan peningkatan 0.3 mata peratusan dalam KDNK dan kenaikan 0.1 mata peratusan dalam perbelanjaan penggunaan swasta pada suku ketiga 2016.

"Ini menunjukkan bahawa permintaan domestik yang berdaya tahan mungkin dapat membantu menyerap kejutan luaran, sekali gus menyokong pertumbuhan KDNK secara keseluruhan," katanya.